

**Bantu tingkat 'defisit keyakinan' terhadap kerajaan, Najib beritahu penjawat awam**  
**The Malaysian Insider**  
**August 3, 2015**  
**Oleh Kc Nazari**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyeru kakitangan kerajaan membantu meningkatkan rasa kurang percaya rakyat terhadap kerajaan yang menerima cabaran menerusi kewujudan media sosial.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada perhimpunan bulanan kakitangan kerajaan di Bangun Putra Perdana, pagi ini.

"Dalam aspek politik, saya kira transformasi politik melibatkan bagaimana sebagai sebuah kerajaan kita boleh meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

"Apa yang disebut sesetengah pihak sebagai defisit keyakinan, ini tugas kita – pulihkan semula, tingkatkan keyakinan rakyat," katanya.

Beliau turut menyeru kakitangan kerajaan membantu menangani perang persepsi politik menerusi media sosial.

"Daripada segi sosial pula, kita berdepan dengan bagaimana kita hendak tangani media sosial di mana paradigma media sosial adalah berbeza.

"Inilah satu daripada cabaran di mana persepsi dan realiti dalam politik, persepsi adalah sentiasa lebih kuat daripada realiti," katanya. – 3 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bantu-tingkat-defisit-keyakinan-terhadap-kerajaan-najib-beritahu-penjawat-awam>